

07/08/1997

200,000 pasport pintar disediakan

Ahmad Nazri Mohamad

KUALA LUMPUR, Rabu - Antara 100,000 hingga 200,000 pasport pintar perlu disediakan oleh Jabatan Imigresen sebelum dokumen itu diperkenalkan kepada umum.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Tajol Rosli Ghazali, berkata stok pasport pintar itu perlu disediakan bagi memastikan ia boleh menampung keperluan orang ramai apabila Jabatan Imigresen memperkenalkan pasport itu.

"Bagaimanapun, pemilik pasport lama masih boleh digunakan hingga tamat tempohnya sebelum bertukar kepada pasport pintar," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Medas Coins di sini, hari ini.

Penggunaan pasport diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bulan lalu. Pengeluaran pasport pintar itu dijangka dilakukan secara berperingkat sehingga 1999, mulai bulan ini.

Pasport pintar itu akan dilengkapi dengan cip yang dapat menyimpan maklumat serta gambar pemegangnya bagi menghalang kegiatan pemalsuan pasport Malaysia.

Tajol Rosli berkata, bagi pasport yang hampir luput tarikh penggunaan, Jabatan Imigresen akan mengeluarkan pasport sementara atau menambahkan cop kebenaran untuk satu perjalanan dan tempoh tertentu sementara menunggu pasport pintar diperkenalkan.

Sementara itu, beliau meminta firma asing di negara ini menggunakan khidmat syarikat kawalan keselamatan tempatan berbanding menubuhkan pasukan kawalan keselamatan sendiri.

Firma asing perlu mendapatkan khidmat syarikat kawalan keselamatan tempatan kerana pengawalnya dijamin menepati kriteria yang ditetapkan kementerian seperti terlatih dan mempunyai latar belakang yang bersih daripada jenayah.

"Firma asing dan syarikat kecil digalakkan menggunakan khidmat syarikat kawalan keselamatan tempatan bagi mengelakkan terbabit dengan syarikat haram termasuk beroperasi menggunakan pengawal keselamatan pendatang asing," katanya.

Beliau berkata, syarikat kawalan keselamatan tempatan perlu menyediakan khidmat dan kemudahan yang terbaik serta kos yang kompetitif bagi menggalakkan syarikat asing atau tempatan menggunakan khidmat mereka.

Tajol Rosli juga menyeru orang ramai memberi kerjasama dan maklumat mengenai pengedaran bahan bacaan berunsur ajaran sesat membabitkan semua agama di negara ini.

"Kementerian mempunyai Bahagian Penapisan yang bertanggungjawab menapis bahan bacaan dan tontonan seperti buku, pita video dan cakera padat. Bagaimanapun, tapisan itu adalah terhad dan tidak mampu mengawasi bahan yang diseludup masuk ke negara ini," katanya.

Medas Coins ialah bungkusan syiling pertama dikeluarkan di negara ini. Dibungkus dalam beg plastik, beg kain atau gulungan kertas, ia boleh didapati dalam enam denominasi iaitu satu sen, lima sen, 10 sen, 20 sen, 50 sen dan RM1.

Bungkusan syiling itu dikeluarkan oleh Tuah Guard (M) Sdn Bhd, anak syarikat Medas Corporation Berhad yang dilantik Bank Negara sebagai penjaga dan ejen duit syiling bagi Wilayah Tengah Semenanjung, mulai Mac lalu.

(END)